

**Masalah Orang Asli Kelantan Boleh Diatasi Jika BN Berkuasa - Shafie Apdal
Bernama
26 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Masalah Orang Asli di Kelantan yang kebanyakannya hidup miskin akan dapat diatasi jika negeri itu dikuasai Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata pada masa sekarang kerajaan pusat yang diterajui BN tidak boleh berbuat apa-apa untuk membantu kaum Orang Asli di Kelantan kerana tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang diterajui PAS.

Mohd Shafie berkata kerajaan BN telah berjaya menyelesaikan banyak masalah tanah yang dihadapi kaum Orang Asli di negeri yang dikuasai BN seperti di Johor, Negeri Sembilan dan Terengganu di mana kedudukan masyarakat Orang Asli di negeri berkenaan lebih maju.

"Kalau kita (BN) perintah cepatlah masalah itu diatasi dan yang penting kita perlu berkuasa di peringkat negeri Kelantan," katanya kepada pemberita selepas beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar Kelantan) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) di sini pada Khamis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662046>